

Natrah sentiasa ingat keluarga angkat

8/11 11/7/09 M/S 7

KHAIRUL RIZAL KHALID

KEMAMAN – "Hubungan kami tidak pernah putus walaupun dia tinggal berjauhan di Belanda," kata anak saudara angkat Natrah, Rokayah Jusoh, 63.

Beliau yang juga cucu kepada ibu angkat Natrah, Che Aminah Mohamed, berkata Natrah atau Bertha Hertogh pernah mempelawa mereka menjenguknya di Belanda ketika sakit teruk akibat leukimia.

Rokayah berkata beliau menerima berita kematian Natrah menerusi telefon pada pukul 8 malam kelmarin daripada anaknya, Mohd Akram Abdul Aziz yang bekerja di Kuantan.

"Selepas menerima berita tersebut, saya terkejut dan sangat sedih kerana banyak kenangan bersama Natrah semasa dia berada di sini," katanya ketika ditemui di rumahnya di Kampung Mak Chili Paya, semalam.

Kali terakhir mereka bertemu, katanya, ialah pada tahun 1997 ketika sambutan Aidilfitri.

"Natrah pulang secara diam-diam. Dia tidak mahu sesiapa me-



● ROKAYAH JUSOH

ngetahui berita kepulangannya di daerah ini dan bersusah payah mencari ibu saya, Kamariah Md Dahan.

"Ketika itu ibu saya (Kamariah) yang juga kakak angkat Natrah, masih hidup dan ibu meninggal dunia enam bulan kemudian selepas bertemu Natrah," katanya.

Pertemuan pada hari raya itu, katanya, adalah memori yang tidak dapat dilupakan dia dan ibunya setelah Natrah dilarikan ke Belanda.

Beliau berkata, antara kenangan yang tidak dapat lupakan ialah Natrah masih petah bercakap baha-



● Natrah (kanan) bersama ibu angkatnya, Che Aminah dan suami, Mansor Adabi.

sa Melayu loghat Indonesia walaupun telah 46 tahun meninggalkan Malaysia.

"Ketika itu Natrah tinggal di Kemaman tiga malam dan tidur di rumah saya satu malam," katanya.

Menurutnya, sebelum Natrah pulang ke Belanda, ibunya sempat menghadihkan senaskhah al-Quran bersaiz kecil berbentuk loket dan meminta dipakai setiap masa.

Menurut Rokayah, pada hari raya itu juga Natrah telah meluangkan masa menziarahi pusara ibu angkatnya, Che Aminah Mohamad di Kampung Jabor Kubur, Chukai yang telah meninggal dunia pada 1970.

"Natrah juga telah menghulurkan sedikit sumbangan kepada kami sekeluarga untuk mengadakan kenduri tahlil kepada arwah nenek saya," katanya.

Ketika hayatnya, kata Rokayah, Natrah sering menghubungi mereka di Kemaman untuk melepaskan rindu terhadap keluarga angkatnya dan menjadikan hubungan mereka begitu kukuh dan saling sayang menyayangi.

"Natrah seorang wanita yang beradab, pertuturan bahasa Melayunya agak baik walaupun lama menetap di Belanda," katanya.

Menurutnya, kematian Natrah meninggalkan memori paling menyedihkan dalam dirinya sekeluarga dan kenangan bersama Natrah akan terus abadi di dalam ingatannya.

Natrah meninggal dunia akibat leukimia pada usia 72 tahun di kediamannya di Huijbergen, Belanda, dua hari lepas.

Info

NATRAH atau Bertha menjadi isu panas di Singapura pada 1950 akibat perebutan terhadapnya antara ibu angkatnya, Che Aminah dengan keluarga asal beliau yang berketurunan Belanda. Natrah ketika itu berumur 13 tahun dan telah memeluk Islam serta bernikah gantung dengan seorang guru berusia 22 tahun bernama Mansor Adabi. Namun begitu, undang-undang British/Belanda tidak membenarkan wanita di bawah umur 18 tahun daripada berkahwin dan diperintahkan supaya dipulangkan kepada ibu bapa kandungnya di Belanda. Selepas meninggalkan Malaysia dan pulang ke Belanda, dia berkahwin dengan lelaki Belanda dan mempunyai 10 anak. Beberapa tahun selepas itu, Natrah berkahwin pula dengan rakyat Indonesia